

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dan peratusan hutang Kerajaan Persekutuan (hutang domestik dan hutang luar pesisir) berbanding KDNK negara.

JAWAPAN

Kedudukan terkini jumlah **hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2016 adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.2% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)**. Daripada jumlah berkenaan, **95.9% atau RM628.8 bilion adalah hutang domestik (51% daripada KDNK), sementara 4.1% lagi atau RM26.9 bilion (2.2% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir**. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus

dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI MOHAMED
AZMIN BIN ALI [GOMBAK]**

SOALAN :

**YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta PERDANA
MENTERI menyatakan keluasan tanah bagi tiap-tiap kawasan mengundi
Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sebelum dan selepas cadangan
persempadanan semula oleh SPR September 2016.**

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang menjalankan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah dan syor ini masih belum muktamad. Sehubungan itu, maklumat berhubung keluasan setiap bahagian pilihan raya akan dikemukakan dalam laporan akhir setelah selesainya urusan Kajian Semula Persempadanan tersebut kelak.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI MOHAMED
AZMIN BIN ALI [GOMBAK]**

SOALAN :

YB Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik perbelanjaan Kerajaan untuk pembiayaan biasiswa JPA bagi setiap program pendidikan dalam dan luar negara pada tahun 2014, 2015 dan 2016 serta berapakah jumlah biasiswa yang dibekukan pada tahun 2016.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2014 dan 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2.95 billion bagi tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam dan luar negara. Pada tahun ini, JPA akan meneruskan pembiayaan program penajaan dengan peruntukan sebanyak RM1.65 bilion untuk menanggung pembiayaan seramai 49,060 pelajar sedia ada iaitu penajaan 41,324 pelajar dalam negara dan 7,736 pelajar di luar negara. Manakala peruntukan tambahan sebanyak RM160 juta lagi telah diluluskan di bawah Pengubahsuaian Bajet 2016 untuk membiayai penajaan pelajar baharu tahun 2016. Bagi tahun 2016, Kerajaan memfokuskan kepada penajaan dalam negara sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Rasionalisasi Bajet 2016 pada 28 Januari 2016.

Sekian. Terima kasih.